

ABD AZIZ BIN ABDUL RASHID
MUZIUM SENI ASIA UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
azizras@um.edu.my

LEMBAH MEGALITH DI KUALA PILAH

1. Pengenalan

Fokus pembentangan ini ialah untuk melihat, menilai dan mencadangkan tinggalan batu-batu megalith di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan sebagai salah satu tinggalan warisan yang penting untuk dipulihara dan diberi perhatian segera agar menjadi sebahagian warisan penting negara.

Megalitik berarti kebudayaan batu besar yang berlangsung pada zaman peralihan Hindu Buddha ke zaman Islam. Masyarakat di Negeri Sembilan ketika itu mendirikan blok-blok batu granit untuk tujuan tertentu. Megalitik awal dikatakan berasal dari akhir zaman neolitik pada kira-kira 3000 SM di Asia Barat atau di Mediterranean Timur. Di negara ini kebudayaan megalitik ini berasal dari zaman protosejarah. Hasil pentarikhan radio karbon di tapak megalitik Pulau Sebang, Alor Gajah menunjukkan pentarikhan 1772 Masihi (130 + 50 BP) iaitu pada suku akhir abad ke-18M.

Berdasarkan kajian lapangan, terdapat kira-kira 400 tapak megalitik di negara ini. Kawasan yang paling banyak dijumpai peninggalan ini meliputi dari daerah Kuala Pilah, Rembau, Jelebu, Jasin dan Alor Gajah di Melaka. Tinggalan megalitik di Pengkalan Kempas berasosiasi dengan Makam Ahmad Majanu¹ yang berpentarikhan pada abad ke-15M. Keunikan warisan ini dikenali juga sebagai warisan batu hidup.

Konsentrasi terbesar jumlahnya ialah di kawasan Terachi di Kuala Pilah yang meliputi Kampung Terachi, Kampung Talang dan Kampung Parit. Jenis tinggalan megalith ialah jenis menhir, iaitu batuan granit yang dipecahkan dari kawasan bukit, ditanam secara menegak, berpasangan mengadap utara – selatan. Berdasarkan pemerhatian sehingga November 2017, tapak-tapak di sepanjang Jalan Kuala Pilah-Seremban ini semakin tidak terurus.

¹ Sebutan Ahmad Majanu adalah sebutan oleh orientalis, yang berarti 'gila' - tidak sepatutnya diasosiasikan kepada seorang ulama. Sarjana tempatan menyatakan bacaan dan sebutan yang betul ialah Ahmad Makhdom, iaitu orang yang berkhidmat.

2. Megalith Malaysia di mata dunia (sumber <https://en.wikipedia.org/wiki/Megalith>)

Southeast Asia[edit]

Living megalith culture of Indonesia[edit]

People on Nias Island in Indonesia move a megalith, c. 1915. Digitally restored.



Toraja monolith, c. 1935.

The Indonesian archipelago is the host of Austronesian megalith cultures both past and present. Living megalith cultures can be found on Nias, an isolated island off the western coast of North Sumatra, the Batak people in the interior of North Sumatra, on Sumba island in East Nusa Tenggara and also Toraja people from the interior of South Sulawesi. These megalith cultures remained preserved, isolated and undisturbed well into the late 19th century.^[*citation needed*]

Several megalith sites and structures are also found across Indonesia. Menhirs, dolmens, stone tables, ancestral stone statues, and step pyramid structure called *Punden Berundak* were discovered in various sites in Java, Sumatra, Sulawesi, and the Lesser Sunda Islands.

The Punden step pyramid and menhir can be found in Pagguyangan near Cisolok.^[27] The Cipari megalith site also in West Java displays monoliths, stone terraces, and sarcophagi.^{[28][29]} The basic design of later Hindu-Buddhist temples structure in Java after the adoption of Hinduism and Buddhism by the native population has the punden step pyramid concept underlying.^[30] The 8th century Borobudur and 15th-century Candi Sukuh, for example, featured the step-pyramid structure.^{[30][31]}

Lore Lindu National Park in Central Sulawesi houses ancient megalith relics such as ancestral stone statues, mostly located in the Bada, Besoa and Napu valleys.^[32]

3. Tanggapan Masyarakat Terhadap Megalith

Pada umumnya, megalith dianggap sebagai batu hidup, yaitu batu yang boleh tumbuh beberapa inci setahun, batu istimewa yang boleh bercahaya di malam hari, batu yang boleh menari semasa bulan mengambang, dan yang lebih ramai

mempercayainya sebagai nesan kubur atau sebagai penanda bagi orang yang tidak mempunyai waris atau anak.

Ia juga dipercayai sebagai tugu bagi menandakan pembukaan sesuatu kampung atau untuk memulakan pertanian.

Selain daripada misteri batu hidup, iaitu ia dipercayai boleh hidup sebanyak beberapa inci setahun, bercahaya pada siang hari bahkan mitos lain menyatakan ia boleh menari pada waktu bulan mengambang, masyarakat juga beranggapan ia adalah makam nenek moyang mereka atau penanda bagi orang yang tidak mempunyai waris atau anak.

Hasil ekskavasi arkeologi tidak menunjukkan apa-apa tinggalan rangka manusia dan tidak pula menunjukkan batuan ini "berkembang atau hidup". Namun yang pasti, batu-batu ini tidak wujud secara semula jadi di tapak-tapak tersebut, melainkan ia dikaitkan dengan sesuatu tradisi dan kepercayaan.

4. Kenapa Tapak-tapak ini perlu diberi perhatian dan dipelihara?

1. Tapak-tapak megalith ini merangkumi jumpaan paling banyak dibandingkan dengan lain-lain daerah atau negeri di negara ini iaitu 280 tapak megalith meliputi 3519 batu-batu yang tersisa.
2. Inventori dan kajian tapak-tapak ini telah dijadikan bahan desertasi doktor falsafah oleh mantan Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti, Dato Dr Kamarul Baharin Buyong di University of Pennsylvania, tahun 1992².
3. Sejumlah kajian terhadap tinggalan batuan ini telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuk Jabatan Muzium, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan beberapa pihak yang lain.
4. Masyarakat sekeliling semakin tidak tahu dan tidak mempedulikan kewujudannya. (Batu megalith di km14 Jln Kuala Pilah Seremban – dijadikan tungku memasak makanan).
5. Pembangunan infrastruktur yang semakin giat dilaksanakan terutama di sepanjang Jalan Seremban - Kuala Pilah, mungkin akan menjejaskan sisa budaya ini.
6. Tapak-tapak ini telahpun diketahui kewujudannya oleh masyarakat dunia, tetapi tidak ada promosi, pemasaran dan infrastruktur pelancongan dan penyelidikan disediakan – menyebabkan ia dilupakan.
7. Jenis-jenis tapak telah dikemukakan melalui kajian Dato Dr Kamarul Baharin Buyong iaitu jenis Terachi (240), Jenis Talang (34) dan Jenis Parit (6).
 - a. Jenis Terachi - orientasi mengikut timbunan tanah Utara-Selatan, blok batu daripada batu granit, batu-batu berpasangan mengadap antara satu dengan lain dan adakalanya di atas permukaan tanah rata.

² Buyong, Kamarul Baharin, Dessertasi PhD, University of Pennsylvania, 1992. Hal 74-82.

b. Jenis Talang - susunan teres, tiada timbunan tanah, orientasi timur barat

c. Jenis Parit - mempunyai ciri-ciri yang dimiliki kedua-dua sebelumnya.

5. Keadaan Warisan Megalitik Kini

Warisan megalitik khususnya di Negeri Sembilan kini akan dilihat dari aspek nilai sejarah dan warisan yang dimilikinya yang boleh dipulihara dan dikembangkan sebagai produk pelancongan. Penulis berpendapat warisan ini tidak dirasakan lagi kepentingannya oleh masyarakat setempat. Ia terbiar begitu saja. Lawatan penulis ke beberapa tapak yang mudah di akses dari jalanraya menunjukkan ia tidak diberi perhatian, terbiar dan menunggu masa untuk musnah. Namun demikian, penulis tidak menyangkal, telah ada usaha untuk memulihara dan memperkenalkan tapak-tapak ini tetapi tidak berterusan. Masyarakat tidak menyedari bahawa mereka mewarisi tinggalan terpenting di dunia dan tidak semua masyarakat dunia memiliki warisan ini.

Kawasan tapak megalitik didapati dipenuhi sampah sarap, tidak dijaga sedangkan kebanyakan tempat tersebut boleh diakses dengan mudah dari jalanraya seperti di Kampung Padang Lebar dan Perigi Merbau di Tanjung Ipoh.

Fasiliti yang sedia ada iaitu pagar yang mengelilingi tapak berkenaan telah roboh, binatang ternakan mudah masuk ke kawasan tersebut. Dahan-dahan pokok bahkan pokok tumbang menghempap batu-batu berkenaan. Sekiranya pelawat dalam dan luar negara singgah ke tempat ini, pastilah mereka memberikan komen negatif terhadap apa yang mereka lihat. Bahkan jalan menuju tapak tidak dibuat secara sungguh-sungguh, hanya lorong kecil atau jalan setapak yang semak.

Papan tunjuk arah tidak ada atau tidak membantu pelawat menuju ke arah tapak berkaitan. Di kampung Kempas, tapak megalitik berada di belakang rumah penduduk. Jalan untuk ke tapak berkenaan hanya menyusuri lorong kecil di belakang kandang kambing dan reban ayam, yang tidak dijangkakan oleh pelawat. Papan tanda arah tidak membantu untuk menuju ke tapak berkenaan.

Masyarakat sekitar tidak memahami langsung apa yang mereka miliki di persekitaran mereka. Semasa lawatan penulis pada 16 November 2017 yang lalu, beberapa penduduk tempatan bahkan para remaja tidak tahu apa yang penulis tanyakan tentang tapak megalitik ini. Mereka tidak ambil peduli tentang tinggalan ini, bahkan mereka bertanya kepada penulis apakah tapak batu hidup sebagaimana yang tertera pada papan penunjuk arah itu benar-benar wujud di dalam kampung mereka.

Di tapak yang telah dibangun seperti di Pengkalan Kempas, kemudahan-kemudahan untuk pelancong seperti pusat penerangan, kedai

cenderahati, bahan bacaan, restoren / gerai tidak ada. Memandangkan tapak bersejarah ini penting dalam peta negara kita, ia sepatutnya dipasangkan sejak dari persimpangan dari lebuhraya.

Peranan masyarakat untuk turut serta dalam memulihara dan berpatisipasi tidak diberikan perhatian. Mereka acuh tak acuh terhadap peninggalan tersebut. Ada yang menjadikan tapak megalitik sebagai tempat yang tidak sepatutnya seperti tempat menyidai baju dan sebagainya.

Publisiti dan promosi lawatan ke tapak-tapak megalitik belum dibuat secara serius. Berdasarkan maklumat panduan pelancongan Negeri Sembilan belum di ketengah dan dipasarkan secara serius. Belum ada buku pelancongan yang merujuk kepada tinggalan tapak-tapak ini apatah lagi yang mengupas keunikan dan sejarah budayanya. Ia sangat berlainan dengan pengalaman pelancong ke England misalnya yang akan mengaitkan *stonehange* dengan pelbagai aspek seperti pengiraan waktu, ritual dan kebudayaan sembahsan dewa-dewi bahkan mengaitkannya dengan makhluk luar angkasa. Akibatnya ribuan pelancong datang semata-mata untuk melihat tinggalan ini di waktu pagi atau menjelang terbenamnya matahari.

6. Prospek Pengembangan Pelancongan Megalitik

Berdasarkan senario yang ada, dikemukakan beberapa cadangan yang difikirkan perlu untuk diambil tindakan agar pelancongan warisan megalitik ini dapat dilaksanakan.

6.1. Pendidikan

Masyarakat awam yang mendiami kawasan sekitar tapak dan pelajar-pelajar sekolah khususnya perlu diberikan kesedaran tentang kepentingan dan signifikannya kepada negara kita. Pelbagai usaha perlu dipergiatkan seperti mengadakan aktiviti eksplorasi bagi pelajar-pelajar menelusuri sejarah dan budaya negeri ini. Di Lembah Lenggong misalnya, dalam usaha mengembang dan mempromosikan tapak-tapak paleolitik, Muzium Arkeologi Lenggong dalam program tahunannya telah menyediakan pelbagai aktiviti seperti larian *Perak Man*, Kelab Arkeologi Muda dan siri ceramah khususnya tentang arkeologi yang boleh merangsang minda pelajar-pelajar. Lembah Lenggong terkenal dengan peninggalan Paleolitik dan Manusia Perak yang telah berusia 11,000 tahun yang lalu, kini telah diiktiraf sebagai warisan dunia.

Aktiviti yang serupa boleh dilaksanakan terutamanya di kawasan sepanjang jalan Seremban - Kuala Pilah, daerah Kuala Pilah, Tampin dan Rembau. Tinggalan-tinggalan megalitik di kawasan berkenaan bersifat memusat dan pelbagai variasinya.

Dalam masa yang sama taman rekreasi Ulu Bendul dan pemandangan yang indah serta industri tanaman buah-buahan di sepanjang perjalanan amat merangsangkan.

Pakej lawatan yang ditawarkan di Negeri Sembilan perlu menggalakkan pelawat tempatan dan luar negara dengan pakej lawatan pendidikan dan eko pelancongan. Satu usaha mendokumentasi dan menerbitkan serta mengedarkan buku-buku panduan pelancongan perlu dilaksanakan agar kesedaran berkaitan warisan megalitik ini timbul. Sehingga kini, tiada buku panduan pelancongan khususnya yang menerangkan lokasi, kepentingan dan warisan budaya tersebut dipasarkan untuk dijadikan buku panduan.

Pendidikan kepentingan memelihara warisan juga perlu diperluaskan kepada pegawai-pegawai kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pejabat tanah dan galian agar mereka dapat memberikan kerjasama, memahami warisan budaya ini khususnya warisan megalitik. Pewartaan batik sebagai warisan dunia dari Indonesia dan kepandaian mengayam di kalangan masyarakat Filipina yang diakui dunia melibatkan usaha dan kemahuan yang tidak sedikit. Salah satu langkah yang mereka lakukan ialah memetakan budaya itu sendiri. Program yang digerakkan oleh institusi pengajian tinggi atau muzium, tetapi pelaksanaan perlu dibuat di peringkat akar umbi (pelajar sekolah dan orang kampung). Pameran juga dibuat di tempat berkenaan. Dalam kes di Filipina dan Indonesia, mereka mengadakan pameran hasil culutural mapping mereka di laman gereja dan di tempat keramaian. Program ini dinamakan sebagai Cultural Mapping.

Sasaran pendidikan yang tidak kurang pentingnya ialah kepada pemandu pelancong yang mengendalikan pakej-pakej pelancongan. Mereka perlu sedar bahawa kepentingan warisan megalitik ini merupakan sebahagian daripada harta warisan budaya yang seharusnya didedahkan kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Pelancong luar negara juga perlu didedahkan agar mereka mengetahui bahawa masyarakat kita memiliki tamadun yang tinggi sejajar dengan tamadun lain di dunia. Mereka tidak mengetahui kerana mereka tidak didedahkan kepada warisan budaya yang bernilai ini. Di Vietnam, pelancong di bawa ke kawasan kaki gunung di mana terdapat gua dan pelindung batuan (*rock shelter*) di daerah Hoabinh. Daerah ini meninggalkan sisa-sisa kebudayaan Hoabinh yang dikaitkan dengan perkembangan kepandaian manusia menciptakan alat batu kepada satu tahap rephian pada zaman pra sejarah dan juga hubungan masyarakat tersebut dengan negara-negara tetangganya di seluruh Asia Tenggara. Begitu juga di Sulawesi, dimana pelancong boleh melawat kawasan Maros, iaitu satu tapak gua yang

menghasilkan tinggalan alat-alat mikrolitik. Tapak-tapak tersebut jauh dari kawasan kediaman, tetapi ia masih dijaga dengan baik oleh masyarakat setempat dan pihak berkuasa tempatan kerana kepentingan sejarah dan kepentingan sejarah kebudayaan mereka.

6.2. Keperluan Infrastruktur

Infrastruktur yang ada sekarang ini perlu dinaik taraf agar ia sejajar dengan aspirasi untuk memajukan kawasan terbabit. Namun dalam masa yang sama, kajian mendalam dan terperinci serta penglibatan pihak swasta yang ghairah untuk mencantikkan dan membangun sesuatu kawasan perlu diambil kira. Dalam banyak kes yang melibatkan pembangunan kawasan warisan budaya, pihak pemaju sering mengenyepikan nilai-nilai budaya dan warisan demi untuk pembangunan sesuatu tapak. Mereka tidak memahami asas pemuliharaan warisan yang mengakibatkan tapak warisan tersebut hilang keaslian dan identitinya.

Kawasan tapak megalitik ini perlu dipulihara dan diselenggara dengan baik agar ia kondusif untuk dilawati. Latar sejarah perlu di sertakan agar pelawat yang "tidak sengaja", memahami erti tinggalan tersebut dan hubungannya dengan nenek moyang masyarakat negara ini.

Papan tunjuk arah yang tidak jelas dan efisien perlu diperbaiki dan diperbanyakkan agar pengunjung tidak kehilangan arah. Kita tidak boleh mengambil sikap, pelancong akan sampai juga atau pelancong tahu kedudukan tapak perlu dikikis. Papan tunjuk arah tapak megalitik Dato' Nisan Tinggi misalnya diletakkan di persimpangan Gemencheh - Tampin - Alor Gajah. Papan itu menunjuk arah ke Gemencheh. Setelah melalui 3 persimpangan, tiada papan tanda yang boleh membantu untuk menyampaikan pelawat ke tapak tersebut. Penulis gagal untuk ke tempat berkenaan kerana terkeliru dengan persimpangan yang ada.

6.3. Muzium Tapak

Jabatan Warisan dan Kerajaan Negeri dan lain-lain institusi atau jabatan yang boleh menyumbang kepada perkembangan eko pelancongan – perlu mula memikirkan keperluan mendirikan muzium tapak yang boleh memantau keadaan setiap tapak yang ada. Selain daripada itu, muzium tapak ini boleh menyediakan pakej lawatan yang bersesuaian, memberikan panduan, penerangan dan aktiviti yang berfaedah kepada pelancong yang datang. Muzium tapak boleh menyediakan cenderahati yang sesuai khasnya yang mencerminkan adat budaya Negeri Sembilan dan kebudayaan megalitik ini.

Muzium tapak juga boleh memainkan peranan untuk menganjurkan pelbagai aktiviti pelajar dan orang awam agar kesedaran mereka lebih tinggi, mereka berbangga mewarisi budaya yang setara dengan di negara lain seperti kewujudan

stonehenge di England (yang menjadi aset penting dalam industri pelancongan negara itu), New Zealand dan kepulauan Micronesia yang lain.

6.4. Peranan Penduduk Setempat

Penduduk setempat juga perlu diberi insentif dan pemahaman agar mereka dapat berperanan dalam menjaga dan memulihara warisan berkenaan. Mereka misalnya diberi sedikit imbuhan untuk membersihkan dan menyelenggara kawasan berkenaan, digalakkan untuk memperkenalkan makanan atau produk khas tempat tersebut selain daripada hanya sebagai penonton semata-mata. Mereka juga perlu lebih terbuka kerana terdapat tinggalan megalitik yang berada di dalam kawasan tanah milik mereka dan mereka seolah-oleh keberatan untuk membenarkan pelawat masuk melalui perkarangan rumah mereka.

Difahamkan, sesetengah penduduk membiarkan binatang ternakan mereka mendiami tapak megalitik tersebut kerana mereka tidak merasakan apa-apa kepentingan.

7. Cadangan

Jabatan yang berkaitan dan kerajaan Negeri sudah boleh mulai mengorak langkah mencari jalan agar Negeri Sembilan mempunyai identiti tersendiri. Dari tapak megalitik ini, mungkin dapat di kembangkan satu produk cenderahati sebagai menunjukkan keunikan Negeri Sembilan. Antara aktiviti yang menarik ialah membuat design batik megalitik, memperkenalkan kegiatan menenun dan menciptakan satu kebiasaan baru dengan menanamkan batu megalith bagi upacara perasmian kerajaan.

Kerajaan Negeri melalui jabatan yang berkaitan khususnya Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan serta Kementerian Pelancongan dapat memasukkan warisan megalitik N Sembilan ini ke dalam peta dunia.

Kerajaan Negeri dan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan perlu menggalakkan sarjana dan pengkaji untuk datang ke Negeri Sembilan menjalankan kajian kewujudan harta warisan ini dan meletakkannya pada satu tempat yang sesuai di peringkat antarabangsa.

8. Kesimpulan

Berdasarkan fakta dan keadaan yang ada ketika ini, pembangunan eko-pelancongan di Negeri Sembilan mempunyai potensi untuk dimajukan. Namun beberapa kriteria perlu dipenuhi terlebih dahulu agar warisan ini sedia untuk menerima tamu. Kekayaan alam dan harta warisan serta adat istiadat yang menjadi

kebanggaan masyarakat negeri ini perlu dipupuk dan dipelihara agar warisan yang ada dapat menjadi saksi kemajuan ketamadunan negara ini dan dapat dinikmati oleh seluruh masyarakat dunia.

RUJUKAN

1. Bellwood, Peter, 1985. *Prehistory of Indo-Malaysian Archipelago*, Sydney: Academic.
2. Benjamin, Geoffrey, 1977. *Issues in the Ethohistory of Pahang* in Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Et al (eds) *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Pahang*. Pahang: Lembaga Muzium Pahang, 82-122.
3. Beyer, H Otley, 1948. *Philippine and East Asian Archaeology*, *National Research Council of the Philippines*, Manila: Buliten No. 29, 1-30.
4. Buyong, Kamarul Baharin. 1992, University of Pennsylvania, USA.
5. Collings, H.D., 1937. Recent finds of Iron Age Sites in Southern Perak and Selangor. *FMJ*. Bulletin of the Raffles Museum Series B. Singapore. 1(2): 75-94.
6. Collings, H.D., 1949. An Iron Age find near Klang, *FMJBRM*. Ser.B. 1 (4): 113-116.
7. Dunn, F.L., 1975. *Rain-forest collectors and trades*. Monograph of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society.
8. Zuraina Majid, 1993, *Archaeological Excavation of Three Megalithic Sites in Negeri Sembilan and Melaka*, PURBA, Bil. 12,: 1-54.

Antara tapak yang sempat dilawati dalam menyediakan penulisan ini ialah:-

1. Keramat Sungai Udang, Pengkalan Kempas, Linggi, Rembau.
2. Batu Hidup Nisan Tok Patah, di Lorong Tok Patah, Kg. Gedang Terachi, Kuala Pilah.
3. Batu Hidup Kg Padang Lebar, 71500, Tanjung Ipoh, Kuala Pilah.
4. Batu Hidup Surau Perigi Merbau, Km 14, Jalan Seremban - Kuala Pilah.
5. Batu Hidup Perigi Merbau, Km 14, Jalan Seremban - Kuala Pilah.
6. Batu Hidup Kg Terachi, Km. 15, Jalan Seremban - Kuala Pilah.
7. Batu Hidup Kg Mampas, 71500, Terachi, Jalan Seremban Kuala Pilah.
8. Tanah Perkuburan Islam, Kuala Jemapoh, Jalan Kuala Pilah- Bahau.
9. Makam Pawang Basir, hadapan Masjid Ar Rahman, Kariah Bukit Melintang, Kg Talang.
10. Tapak "Perkuburan Kg Talang Lama" tidak jauh dari tapak Pasar Tani Talang dan Makan Tuan Tulis.
11. Beberapa batu menhir di halaman penduduk tempatan.